

15/08/2004

Pengorbanan ummah mengikut kehendak Rasulullah

By Wan Esma Wan Ahmad

MELIHAT keamanan dan kedamaian negara, tidak terfikirkah kita bahawa ada barisan pertahanan yang kuat di sebaliknya. Mereka ialah pejuang tanah air yang bekerja siang dan malam menaburkan sumbangan dan bakti untuk memastikan kedaulatan negara selamat daripada kekacauan dan pencerobohan.

Pengorbanan mereka yang sanggup meninggalkan keselesaan hidup dan keseronokan bersama keluarga ditumpukan kepada keselamatan negara adalah suatu jihad. Hukamuk ada menyatakan perasaan mereka terhadap pejuang tanah air di dalam pujangganya; "Cintakan tanah air (negara) adalah sebahagian dari iman."

Setiap rakyat sudah tentu mahukan negara yang aman, damai dan membangun. Dengan sebab itu, tanggungjawab menjaga keamanan tidak hanya dipikul oleh perajurit tetapi memerlukan sokongan semua rakyat. Pertahanan yang hanya di sebelah pihak adalah sukar. Bandingan umat yang kuat telah digambarkan sendiri oleh baginda saw yang diriwayatkan oleh al-Nawawi bermaksud;

"Ikatan seorang mukmin yang lain itu samalah seperti sebuah bangunan yang memperkuatkan ikatan antara satu sama lain. Lalu Nabi pun memasukkan jari-jarinya di celah antara satu sama lain."

Prinsip umum Islam adalah agama yang mementingkan kedamaian daripada peperangan. Islam menganjurkan semua manusia terutama penganut-penganutnya supaya sentiasa menjaga keamanan dan berbaik-baik kepada semua bangsa dan penganut agama lain, kecuali kedudukan Islam teraniaya dan terancam. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 190 yang bermaksud;

"Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan), kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh."

Di dalam Surah al-Haj ayat 39 yang bermaksud; "Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah teraniaya dan sesungguhnya Allah amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan)."

Allah SWT telah memuji umat Islam yang sanggup mengambil tanggungjawab untuk berjihad menjaga keselamatan agama dan negara dari musuh-musuh Islam menerusi firman-Nya di dalam surah an-Nisa' ayat 95 yang bermaksud;

"Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak ikut berperang) dari kalangan orang yang beriman, selain dari kalangan orang yang keuzuran, dengan orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya. Allah SWT melebihkan orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang kerana uzur) dengan kelebihan satu darjat..."

Adalah menjadi fardu kifayah kepada anggota masyarakat menjadikan negara yang didudukinya aman dan damai. Bahkan ia menjadi fardu ain apabila agama, kehormatan diri, nyawa, darah, dan harta dinodai. Dengan kata lain, wajib ke atas setiap individu muslimin dan muslimat bersedia untuk mempertahankan kesucian agama dan kedaulatan negara apabila terancam dengan menggunakan segala kekuatan yang mereka miliki.

Peranan yang sama-sama dimainkan oleh orang Islam yang cintakan kedamaian dan perpaduan seperti tidak mengganggu hak asasi seseorang rakyat yang lain dari segi agama, kehormatan, diri, nyawa, darah dan harta individu. Setiap individu bebas untuk menuntut ilmu, berkeluarga, beragama, bercakap dan lain-lain. Usaha dari pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, pentadbiran dan sosial amat diperlukan untuk pengukuhan

negara.

Kemerdekaan yang kita kecapai menjangkau 46 tahun berbanding penjajahan lebih 446 tahun. Adakah kita sanggup mengulangi zaman penjajahan tersebut tanpa wira negara. Ancaman keamanan ialah musuh dari dalam dan luar negara. Musuh dari luar negara cuba mendapatkan segala kekayaan negara dan menjadikan negara di bawah taklukannya. Sekiranya pemimpin kita silap melangkah sudah pasti buruk padahnya. Sementara ancaman dari dalam negara ialah penjenayah yang melakukan jenayah seperti bunuh, rompak, ragut, mencuri dan lain-lain. Penyalahgunaan dadah juga adalah ancaman yang berat untuk di kawal oleh pihak berkuasa.

Gerakan Cintakan Negara dilancarkan pada 29 Disember 1998 di bawah pimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohammad bagi membuktikan kepentingan mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara. - Rencana sumbangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

(END)